

26 MAR 2004

Moggie-Bersara

MENTERI MALAYSIA PALING LAMA BERKHIDMAT MENGUNDURKAN DIRI

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Apabila barisan baru Kabinet diumumkan esok, satu nama yang telah dikekalkan sejak 25 tahun lepas di bawah tiga perdana menteri tidak akan berada dalam senarai itu -- Datuk Amar Leo Moggie.

Moggie meletakkan jawatan sebagai presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tahun lepas dan tidak bertanding pada pilihan raya umum Ahad lepas, menandakan tamatnya era menteri Kabinet Malaysia yang paling lama berkhidmat.

Ketika beliau yang masih belum dikenali dipilih pada 1978 untuk menyertai Kabinet di bawah pimpinan perdana menteri Tun Hussein Onn pada ketika itu, Moggie, yang berasal dari rumah panjang yang terletak di kawasan pedalaman daerah Kanowit di Sarawak, menjadi menteri paling muda pada usia 37 tahun.

"Semasa saya menyertai Kabinet pada 1978, saya yang paling muda iaitu 37 tahun. Kini 25 tahun kemudian, saya adalah yang paling tua. Yang pasti saya meninggalkan semua ini dengan perasaan bercampur-baur tetapi saya seronok berkhidmat dalam Kabinet," kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang akan melepaskan jawatannya itu dalam satu temubual dengan Bernama.

Moggie merupakan satu-satunya menteri dalam Kabinet yang tamat tempohnya, yang telah berkhidmat di bawah pimpinan tiga perdana menteri, tiga tahun di bawah Hussein, 22 tahun di bawah Tun Dr Mahathir Mohamad dan lima bulan lepas di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika diminta menggambarkan tiga ketuanya itu, beliau berkata: "Yang ketara setiap mereka mempunyai cara yang agak berbeza dalam cara melaksanakan kerja mereka. Namun, ketiga-tiga perdana menteri mempunyai kualiti cemerlang dan amat dedikasi dengan tugas mereka.

"Tun Hussein merupakan ketua yang amat baik dan mudah untuk bekerja dengannya, Dr Mahathir pula seorang pemimpin yang penuh inspirasi dan berwawasan, jadi anda boleh faham kenapa amat penting untuk mengetahui semua perkembangan yang berlaku kerana jika tidak, anda tidak dapat memberikan sebarang sumbangan kepada kerajaannya.

"Datuk Seri Abdullah mempunyai keperibadian yang penyayang dan bersifat rendah diri, iaitu personaliti yang agak berbeza tetapi faktor serupa yang dimiliki semua pemimpin ini ialah mereka amat dedikasi kepada negara ini, bagi memastikan negara ini berkembang maju, memastikan pelbagai kaum dan masyarakat hidup secara aman. Saya fikir negara ini amat bertuah dan bernasib baik untuk mempunyai pemimpin yang berwibawa seperti mereka," katanya.

Moggie berkata beliau berasa "amat selesa" dengan Abdullah sebagai perdana menteri.

"Saya percaya rakyat umumnya juga berasa amat selesa. Anda boleh lihat daripada sambutan yang diberikan kepada beliau, cara penerimaan rakyat biasa di jalan-jalan, rakyat biasa di kampung, penerimaan rakyat biasa ini amat penting dan baik bagi beliau dan saya berharap kita semua memberikan sokongan padu kepada beliau bagi membolehkan beliau menjalankan program yang telah digariskannya," katanya mengenai Abdullah yang berjaya menerajui Barisan Nasional meraih kemenangan besar pada pilihan raya umum.

Sepanjang berkhidmat dalam Kabinet, Moggie mengetuai hanya dua kementerian, kedua-duanya beliau berkhidmat sebanyak dua kali, bertukar tempat dengan Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya.

Kementerian itu ialah Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos.

Moggie amat disenangi oleh sektor tenaga dan industri telekomunikasi atas kepimpinan beliau yang begitu berwibawa serta tahu isu-isu dengan mendalam, satu daripada faktor yang membuatkan beliau begitu disenangi media.

Ditanya mengenai perkara itu, beliau berkata berurusan dengan industri komunikasi pada zaman ini memerlukan beliau untuk sentiasa mengikuti perkembangannya kerana isu-isu yang timbul sekarang semakin rumit ekoran perubahan pesat teknologi.

"Apabila kita berurusan dengan industri teknologi sekarang terutamanya dalam fasa moden ini, ianya jauh lebih rumit, anda bukan sahaja berurusan dengan sektor perkhidmatan tetapi juga banyak berurusan dengan isu-isu perdagangan antarabangsa. Anda banyak berurusan dengan isu-isu teknologi dan bukannya sesuatu yang mudah untuk mengikuti perkembangan semasa isu-isu berkenaan.

"Saya dapati yang saya perlu pastikan yang saya mengikuti semua perkembangan yang berlaku di dunia berhubung teknologi. Saya bertuah kerana mempunyai beberapa penasihat muda yang amat bagus di kementerian ini yang membaca bagi pihak saya dan memberikan saya ringkasannya setiap hari berhubung trend pertumbuhan teknologi dan dengan cara itu saya dapat sekurang-kurangnya mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia," katanya.

Menurutnya: "Pasti amat sukar bagi saya sekiranya saya tidak mendapat bantuan seperti itu daripada pelbagai kakitangan saya".

"Dan satu lagi perkara yang saya sedari dalam tempoh 25 tahun saya berkhidmat dalam kerajaan persekutuan, saya sentiasa mempunyai hubungan baik dengan para kakitangan di kementerian. Saya berharap mereka berkongsi pandangan yang sama terhadap saya kerana saya mempunyai pandangan yang sama semasa berurusan dengan mereka".

Moggie berkata semasa beliau mula berkhidmat dalam Kabinet, isu-isu industri komunikasi dan teknologi jauh lebih mudah tetapi kini industri itu mengalami perubahan pesat.

"Trend teknologi berubah dengan pantas, jadi seseorang perlu sentiasa mengikuti perkembangannya untuk membolehkannya mengetahui apa yang berlaku. Serupa juga dengan industri elektrik, terdapat perubahan ketara dalam tempoh 25 tahun lepas," katanya.

Tetapi Moggie berkata walaupun Malaysia telah berkembang maju untuk mencapai standard bertaraf dunia dalam beberapa infrastrukturnya seperti lebuhraya dan telekomunikasi, rakyat Malaysia masih mempunyai perjalanan yang jauh untuk mencapai budaya penyelenggaraan bertaraf dunia.

"Jika anda lihat di sekeliling, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapainya. Ia merupakan satu cabaran kepada kita sebagai rakyat negara ini, misalnya, perkara-perkara seperti tandas awam," katanya.

Beliau berkata sementara membina infrastruktur berkualiti adalah penting, rakyat Malaysia perlu belajar bahawa adalah juga penting untuk memastikan mereka menggunakan kemudahan itu dengan baik, menyelenggaranya dengan baik dan memastikan ia beroperasi dengan baik.

"Jika tidak ia tidak memberikan anda kualiti baik seperti yang anda harapkan. Ya, saya rasa masih banyak yang perlu dilakukan di negara ini," katanya.

Walaupun lebuhraya di Malaysia seperti Lebuhraya Utara-Selatan merupakan kebanggaan negara, mereka yang menyelenggara lebuhraya itu perlu tahu bagaimana untuk menghalang kejadian seperti tanah runtuh yang akan mendatangkan akibat lebih teruk berikutan bahagian tertentu di lebuhraya itu perlu ditutup beberapa bulan, katanya memberikan satu lagi contoh budaya penyelenggaraan di Malaysia.

Beliau turut ditanya mengenai perancangannya selepas beliau bersara dan sama ada beliau berhasrat untuk kembali ke Sarawak selepas 25 tahun menetap di Kuala Lumpur.

"Saya tidak mempunyai perancangan tertentu daripada segi apa yang saya mahu lakukan selepas bersara. Tetapi sudah tentu, kemungkinan besar saya akan menghabiskan lebih banyak masa di Kuala Lumpur daripada di Sarawak. Yang pasti, Sarawak tetap kampung halaman saya, saya masih mempunyai rumah panjang di Sarawak, rumah keluarga saya di rumah panjang itu.

"Apabila saya teringatkan Sarawak sebagai kampung halaman, bagi saya kampung saya (ialah rumah panjang) kerana saya tidak mempunyai tempat lain di Sarawak selain di rumah panjang. Rumah bermakna rumah panjang. Umur saya sekarang semakin lanjut, tinggal di rumah panjang mungkin agak sukar sedikit bagi saya di usia begini. Tetapi bila saya teringatkan kampung, di situ saya akan pergi".

-- BERNAMA

AU AU RHM